

19 MAR 1998

Abdullah-OIC

MALAYSIA SERTAI JAWATANKUASA PROGRAM KERJASAMA PEMBANGUNAN OIC

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) membentuk jawatankuasa sementara yang turut dianggotai Malaysia bagi menyediakan satu program tindakan kerjasama dalam bidang pembangunan.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, usaha mengadakan program tindakan itu dipersetujui setelah dicadangkan oleh Malaysia pada mesyuarat Menteri-menteri Luar OIC di Doha, Qatar yang baru tamat.

Menurut beliau, program tindakan itu perlu bagi melaksanakan "Kenyataan Visi OIC" yang diterima sebulat suara pada persidangan kemuncak pertubuhan 55 anggota itu di Tehran, Disember lepas.

"Langkah ini penting kerana kalau tidak visi itu akan tinggal sebagai fatamorgana (mirage)," katanya kepada pemberita di Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya daripada mesyuarat OIC itu.

"Kenyataan Visi" itu antara lain menggariskan prinsip bagi negara-negara anggota OIC ke arah meningkatkan kemajuan dan perpaduan terutama dalam memasuki abad ke-21.

"Malaysia mahu melihat OIC mengambil bahagian yang lebih bermakna dalam hal-hal kerjasama pembangunan kerana sekarang ini kita terlalu terikat kepada hal-hal politik," katanya.

Menurut beliau, di samping berusaha memperbaiki situasi di negara-negara anggota OIC yang menghadapi perbalahan, ada baik juga jika perhatian diberikan kepada usaha membentuk kerjasama dalam pelbagai bidang pembangunan.

Abdullah turut mengemukakan cadangan supaya negara-negara anggota OIC memberikan perhatian kepada program "Perkongsian Bistari" yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, beliau menegaskan betapa penting peranan sektor swasta diberi penghormatan dan kesempatan untuk memajukan rancangan kerjasama pembangunan dan ekonomi terutama di kalangan lapan negara OIC yang menganggotai kumpulan "D 8".

"Idea ini telah dikembangkan ke selatan Afrika dan Eropah Timur...kalau mereka (anggota-anggota D 8) bersedia menyertai dialog "Perkongsian Bistari", saya akan sampaikan hasrat itu kepada Perdana Menteri," katanya.

-- BERNAMA

AZZ PR